

24 OCT 1998

Estrada-Mahathir/I

MANILA ATURKAN MESYUARAT DUA HALA ESTRADA-MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 24 Okt (Bernama) -- Kerajaan Filipina sedang mengatur mesyuarat dua hala antara Presiden Joseph Estrada dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa sidang kemuncak pemimpin Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) di sini, bulan depan.

Duta Filipina ke Malaysia, Jose Brillantes, hari ini berkata Manila sedang membuat persediaan asas sewajarnya dan menyiapkan perkara yang akan dibincangkan pada pertemuan itu.

Ketika ditanya mengenai permintaan Estrada untuk melawat bekas timbalan presiden Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang kini menunggu untuk dibicarakan bagi kes rasuah dan salahlaku seks, Brillantes berkata tiada permintaan sedemikian dibuat.

"Tetapi jika perkara mengenai kunjungan itu dibangkitkan semasa mesyuarat dua hala itu, ia akan diusahakan," katanya kepada pemberita di sini selepas menghadiri perasmian bengkel serantau mengenai pembangunan wanita oleh Timbalan Menteri Luar Datuk Dr Leo Michael Toyad.

Brillantes berkata Estrada tetap akan menghadiri sidang kemuncak APEC dan jika dibenarkan melawat Anwar, presiden itu gembira untuk berbuat demikian.

Estrada berkata di Manila bahawa beliau ingin melawat Anwar apabila menghadiri sidang kemuncak APEC di Kuala Lumpur pada 17-18 Nov.

Ketika ditanya sama ada Manila atau kedutaannya akan membuat sebarang permintaan kepada kerajaan Malaysia bagi membolehkan Estrada melawat Anwar, Brillantes berkata perkara itu akan ditentukan oleh Kementerian Hal Ehwal Luar Filipina.

"Saya sedang menunggu arahan daripada kementerian," katanya.

Ketika ditanya sama ada Manila telah menerima sebarang jemputan rasmi daripada kerajaan Malaysia untuk Estrada melawat Anwar, Brillantes berkata beliau tidak fikir jemputan sedemikian telah dibuat.

"Estrada membuat permintaan secara lisan untuk melawat Anwar berikutan kenyataan Dr Mahathir bahawa sesiapa pun boleh melawat Anwar," katanya.

Mengenai demonstrasi anti-Estrada yang diadakan di hadapan Kedutaan Filipina di sini minggu lepas oleh kumpulan yang menggelarkan diri mereka "rakyat Malaysia prihatin", Brillantes berkata beliau telah memaklumkan Manila mengenai perkara itu.

Kira-kira 200 orang telah berhimpun secara aman di hadapan kedutaan itu untuk membantah campur tangan Estrada dalam hal ehwal dalaman Malaysia berhubung penahanan Anwar mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

Anwar telah dibebaskan tanpa syarat daripada ISA dan kini ditahan reman sementara menunggu perbicaraannya di Mahkamah Tinggi di sini bulan depan.

"Saya segera menyampaikan kandungan memorandum itu kepada pihak berkuasa Filipina dan adalah jelas diketahui bahawa reaksi kerajaan Filipina dan Malaysia telah banyak mengurangkan ketegangan itu," katanya.

Malahan, Estrada telah berkata bahawa beliau tidak akan membuat sebarang komen mengenai perkara yang melibatkan Malaysia, kata duta itu.

-- BERNAMA

ARA RN NAK